Beban tugas, tekanan emosi antara punca guru pilih bersara lebih awal

Umi Nabila Ahmad Zaini - Mei 15, 2024 @ 2:53pm
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan. - Foto fail NSTP

Di sebalik isu kekurangan guru atau bersara awal seperti yang kerap dipaparkan dalam media, kerjaya itu masih lagi menjadi pilihan anak muda. Hal ini kerana guru adalah pekerjaan yang sangat mulia di sisi agama dan dihormati sebahagian besar masyarakat.

Bagaimanapun kebelakangan ini, kerjaya perguruan menjadi bahan pertikaian di media sosial. Ia susulan dakwaan sesetengah individu yang percaya kerja guru sangat mudah, hanya pergi ke sekolah dan mengajar. Pandangan sebegitu amat dikesali dan jelas terlihat, mereka tidak memahami tugas sebenar seorang guru.

Umum mengetahui bahawa tugas guru adalah menyediakan bahan pengajaran, menyampaikan pengajaran secara kreatif dan inovatif, menilai prestasi pelajar, memberi maklum balas juga bimbingan, selain menguruskan kelas dengan cekap.

Semua itu adalah sebahagian daripada tugas hakiki mengajar. Namun hari ini, tugas guru semakin bertambah hingga ia memberikan impak besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah.

Isu beban kerja guru hingga menjejaskan prestasi dan moral mereka bukan hal luar biasa. Hal ini kerap diperkatakan kerana ia menjadi antara faktor mengapa guru bersara awal.

Ia tentu saja disebabkan beban tugas yang terlampau banyak mempengaruhi emosi guru serta membuatkan mereka menghadapi kekangan dalam menghasilkan kualiti kerja yang baik, berdedikasi, kreatif dan sebagainya.

Hal ini juga kerap mendapat liputan media, misalnya di *BH*, laporan pada 3 Januari tahun lalu bertajuk, 'Bebanan Tugas Guru, Bila Akan Selesai?' meruntun rasa. Laporan itu memetik luahan hati guru wanita yang tertekan kerana terpaksa melaksanakan tugas lain, selain daripada melakukan tugas hakiki sebagai pendidik.

Tanggungjawab sebagai pendidik terabai

Katanya, selain perlu menyelesaikan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), guru juga bertanggungjawab mendapatkan maklumat pelajar B40 untuk mendapatkan bantuan persekolahan dan sebagainya.

Hal ini menyebabkan tanggungjawab sebenar mereka sebagai pendidik terabai.

Isu sebegini perlu kerap diketengahkan supaya segala masa pengajaran di sekolah dapat dimanfaatkan dengan berkualiti.

Sekiranya guru sering diberi tugasan perkeranian misalnya memasukkan data pelajar, kehadiran, gred peperiksaan dan ujian serta mengendalikan pelbagai aktiviti kokurikulum, tentu saja fokus pengajaran mereka akan terjejas.

Akibatnya, guru tidak mempunyai waktu yang cukup dalam menyusun strategi, kaedah serta menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang lebih inovatif dan berkesan. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan objektif Dasar Pendidikan Negara yang bertujuan untuk menghasilkan insan yang berkualiti, berpengetahuan dan berketerampilan.

Bagaimanapun seperti umumnya, setiap kali media melaporkan berita sedemikian akan ada berita susulan yang memetik pandangan menteri berkaitan atau pegawai kanannya di kementerian.

Isu itu menjadi ribut sekejap sebelum kemudian akan sejuk, tetapi hangat kembali beberapa tahun kemudian apabila dibangkitkan media.

Hasilnya, persoalan itu masih tidak selesai walaupun ia kerap dibangkitkan. Sampai bilakah guru perlu menghadapi bebanan tugas ini? Emosi pendidikan juga perlu dijaga kerana hampir setiap tahun kes guru yang bersara awal meningkat.

Hal ini terbukti bahawa majoriti guru mengalami tekanan emosi untuk meneruskan pengajaran dan bertindak untuk bersara lebih awal.

Penulis adalah pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris